



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

TAWARAN OPSYEN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) KEPADA SEMUA PEGAWAI AWAM BERMULA 21 OKTOBER 2024 HINGGA 30 NOVEMBER 2024

Putrajaya, ISNIN, 21 Oktober 2024 – Hari ini, termeterainya Majlis Menandatangani Opsyen Baharu Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan disertai oleh YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), YBhg. Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) serta seramai 75 orang warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang terdiri daripada ahli-ahli mesyuarat pengurusan tertinggi dan para pegawai pelbagai kumpulan perkhidmatan.

Tawaran pemilihan opsyen SSPA terbuka kepada semua Pegawai Awam bertaraf tetap bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang akan berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024. Dijangka seramai 1.5 juta Pegawai Awam akan menandatangani opsyen ini **mulai 21 Oktober hingga 30 November 2024**. Pelarasan gaji baharu bakal diterima Pegawai Awam bertaraf tetap dan lantikan kontrak (COS) seawal bulan Disember ini, dengan Gaji Permulaan Terendah dalam perkhidmatan awam ditingkatkan kepada RM1,500 sebulan.

Selama tempoh 40 hari ini, Kementerian dan Jabatan mesti melaksanakan urusan menandatangani opsyen SSPA selewat-lewatnya 30 November 2024.

Melalui SSPA, YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkata, aspek peningkatan kualiti dalam pengurusan dan pembangunan modal insan merupakan elemen penting yang diberi keutamaan. Ini memperlihatkan usaha berterusan Kerajaan untuk menambah baik produktiviti dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Seterusnya, Pegawai Awam yang berprestasi

tinggi akan dapat menterjemahkan agenda reformasi perkhidmatan awam bagi menjayakan Malaysia MADANI dan menyejahterakan rakyat.

Sebagai tambahan, SSPA juga berupaya untuk menangani isu pendapatan yang tidak seiring dengan kos sara hidup, serta memperkukuh kemampuan fiskal negara.

YBhg. Tan Sri KPPA juga menganjurkan semua Pegawai Awam untuk memilih opsyen SSPA bagi menikmati pelarasan gaji baharu, pemantapan saraan dan penambahbaikan laluan kerjaya. Selaras dengan itu, JPA akan meneruskan Sesi Libat Urus dengan semua Pegawai Awam mengikut negeri dan zon.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 21 Oktober 2024
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (80)